

02/07/1998

Tempoh pemulihan ekonomi sukar diramal

Azli Ayob

MESKIPUN kegawatan ekonomi Malaysia dan serantau tercetus genap setahun lalu oleh pengapungan baht Thailand pada 2 Julai 1997, beberapa pakar ekonomi yang dihubungi masih belum dapat meramalkan bila ekonomi akan pulih.

Apa yang jelas bagi mereka ialah masih ada lagi yang perlu dilakukan untuk membawa negara kepada landasan pemulihan.

Menurut Pengarah Eksekutif Institut Kajian Ekonomi Malaysia (MIER), Dr Mohamed Ariff, apa yang perlu dilakukan ialah mengembalikan semula keyakinan pelabur dan sekali gus menyekat aliran keluar modal.

Katanya, sistem ekonomi Malaysia memerlukan lebih banyak suntikan modal, termasuk menerusi peningkatan pegangan asing.

"Masalah sekarang ialah berlakunya krisis keyakinan dan aliran keluar modal asing serta domestik," katanya ketika dihubungi Berita Harian, semalam.

Aliran keluar modal domestik itu berlaku apabila pelabur tempatan membuat tabungan di negara yang dianggap 'selamat' dan mampu menghasilkan pulangan lebih tinggi bagi mengurangkan kerugian.

Menurutnya, keyakinan boleh dikembalikan dengan menstabilkan ringgit.

"Ringgit sepatutnya berada pada RM3 bersamaan AS\$1," katanya.

Mohamed berkata, tiada sebarang petunjuk positif yang mampu memulihkan semula ekonomi sehingga suku kedua tahun ini kecuali jangkaan berlakunya lebih imbalan pembayaran pada suku pertama tahun depan.

Menurutnya, nilai eksport dan import yang susut membawa kepada penurunan nilai dagangan yang berlaku apabila nilai import melebihi eksport yang akan menyebabkan defisit jatuh.

Beliau berkata, menurut kajian yang dijalankan, suku kedua tahun ini berkemungkinan akan menyaksikan berlakunya peningkatan kadar pengangguran di antara 5.0 peratus dan 5.5 peratus.

Sementara itu, Penasihat Ekonomi Kumpulan SungeiWay, Tan Sri Ramon Navaratnam, berkata pemulihan ekonomi rantau ini banyak bergantung kepada tindakan yang bakal diambil Jepun bagi memulihkan ekonominya.

Menurutnya, masalah serantau ini memerlukan kerjasama negara lain dan bagi Malaysia, apa yang perlu dilakukan ialah memperbaiki kelemahan dan meningkatkan daya usaha yang diambil Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad untuk reformasi sistem kewangan.

Beliau berkata, pelantikan Tun Daim Zainuddin sebagai menteri akan mempercepatkan tindakan pemulihan yang akan diambil bagi menyelamatkan syarikat besar dan kecil.

"Syarikat Malaysia perlu diselamatkan daripada terus menjadi teruk," katanya, semalam.

Navaratnam berkata, negara perlu menyelamatkan diri daripada dominasi asing yang memburukkan keadaan ekonomi negara.

"Kita perlu keluar dari terowong gelap yang sudah berlampu sekarang," katanya yang menyifatkan Malaysia setakat ini tidak memerlukan bantuan Tabung Mata Wang Antarabangsa (IMF).

(END)